

# Pemeriksaan kualiti akademik ke arah lebih inovatif, kreatif dan berdaya saing

Oleh: NORUL FADILAH ABDULLAH



Universiti Malaysia Pahang (UMP) sentiasa komited dalam menyediakan program pendidikan peringkat tinggi yang berkualiti, inovatif dan relevan dengan keperluan dan dasar pembangunan negara. Lantaran itu, semua program yang ditawarkan seharusnya yang terbaik dan mempunyai ciri-ciri inovasi dan daya saing yang tinggi. Sejalan dengan itu juga, maka kurikulum yang dibentuk perlulah relevan, terkini, inovatif dan kreatif selaras dengan perkembangan dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abd. Aziz, kualiti akademik boleh diukur melalui beberapa sumber iaitu kualiti terhadap kurikulum, pensyarah dan graduan yang dikeluarkan pada setiap kali konvokesyen.

“Namun begitu, aspek pemeriksaan kualiti terhadap kurikulum perlu diberi penekanan bagi memastikan program yang ditawarkan sentiasa relevan dengan keperluan negara dan juga perkembangan semasa.

“Berdasarkan perkembangan semasa, program kejuruteraan di Malaysia telah mencapai penanda aras antarabangsa berikutan Lembaga Jurutera Malaysia telah mendapat status penandatanganan penuh *Washington Accord* bagi sistem pendidikan kejuruteraan di negara ini.

“Dengan pencapaian ini, bidang kejuruteraan di universiti ini yang diakreditasi oleh Lembaga Jurutera Malaysia kini diiktiraf sepenuhnya oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, Jepun dan Kanada,” katanya.

Tambah beliau lagi, kurikulum kursus perlu disemak semula bagi setiap jangka waktu kitaran yang ditetapkan mengikut tempoh lazim pengajian sesuatu kursus.

“Antara perkara yang perlu diberi penekanan adalah perubahan kurikulum

yang melibatkan penambahan elemen Hasil Pembelajaran (LO) dan Kemahiran Insaniah (KI).

“Hasil Pembelajaran tersebut (*Overall Outcome*) mestilah menyatakan keupayaan khusus (*competencies*) yang akan ditunjukkan oleh pelajar di akhir program seperti penguasaan pengetahuan dalam pelbagai bidang termasuk Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT), daya intelek, dari segi menyelesaikan masalah, membuat keputusan secara kreatif, keterampilan, praktikal, kebolehan berkomunikasi, berfikir secara kritikal, sikap dan akhlak sebagai warganegara yang bertanggungjawab serta keupayaan meningkatkan kebolehan diri.

“Selain itu, ianya juga perlu menunjukkan kaitan antara keupayaan pada akhir program dengan keupayaan yang akan diperoleh dalam alam pekerjaan. Tiga hasil pembelajaran utama diperlukan bagi setiap kursus merangkumi aspek Kognitif (6 skala), Psikomotor (7 skala), dan Afektif (5 skala),” katanya.

Bagi memastikan proses semakan kurikulum tersebut mencapai standard yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi, Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik (CAIC) telah mengadakan beberapa siri bengkel dan mesyuarat sejak awal tahun 2010.

Ini termasuklah bengkel penyelarasan semakan kurikulum yang telah diadakan pada 18 hingga 19 Jun 2010 baru-baru ini yang turut dihadiri oleh Pengarah, Bahagian Pembangunan & Pengurusan Akademik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Oleh yang demikian, penekanan terhadap pemeriksaan kualiti kurikulum dilihat mampu meningkatkan kualiti pencapaian akademik di universiti ini seterusnya dapat melahirkan graduan yang berkualiti, berkredibiliti dan meningkatkan kebolehpasaran graduan.

